

08 APR 2002

Suhaimi-Singapura (Bergambar)

BELIA DAN NGO MALAYSIA SERAH MEMO BANTAHAN KEPADA SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Barisan Bertindak Rakyat Malaysia (BBRM) yang mewakili 58 pertubuhan belia dan bukan kerajaan (NGOs) hari ini menyerahkan memorandum bantahan kepada Singapura berhubung projek penambakan lautnya.

Pengerusi BBRM, Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, memorandum itu antara lain mendesak Singapura mengadakan rundingan dengan Malaysia berhubung penambakan laut di Selat Tebrau, dalam tempoh dua minggu.

Beliau berkata pihaknya menyuarakan rasa kesal dengan sikap Singapura yang tidak mengambil kira pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, para pemimpin serta rakyat negara ini berhubung isu penambakan, malah telah memperlekehkannya.

"Jika pandangan Malaysia tidak dihargai, kami ingin mencabar kerajaan Singapura, apakah hubungan dan kerjasama dua hala mahu diteruskan?. Jika Singapura masih dengan sikap begini, kami akan meminta kerajaan Malaysia mengkaji semula hubungan dan kerjasama dua hala sama ada dalam bidang ekonomi, pendidikan, politik, sosial dan sebagainya," katanya.

Barisan Bertindak itu juga mendesak Malaysia tidak memperbaharui kontrak bekalan air ke Singapura, bertegas terhadap kawalan ke atas eksport pasir dan tanah ke negara itu, katanya semasa ditemui di depan pejabat Pesuruhjaya Tinggi Singapura di Jalan Tun Razak, di sini hari ini.

Suhaimi berkata pihaknya juga menggesa kerajaan supaya meningkatkan kemudahan di Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang, inland port dan meneruskan rancangan membina Terusan Segenting Kra dengan Thailand.

"Bagi rakyat Malaysia pula kita ingin mendesak mereka supaya tidak bergantung kepada perkhidmatan dan bekalan dari Singapura dan tidak lagi menyimpan wang di bank-banknya," katanya.

Memorandum itu diserahkan oleh lima anggota BBRM diketuai oleh Suhaimi kepada Singapura menerusi Setiuasaha Pertama Pesuruhjaya Tinggi Singapura di sini, Mark Neo.

Menteri Pembangunan Singapura, Mah Bow Tan baru-baru ini memberitahu Parlimen Singapura bahawa kerja-kerja penambakan laut itu akan diteruskan kerana desakan yang semakin meningkat kepada tanah walaupun mendapat bantahan dari pelbagai pihak di Malaysia.

Singapura berusaha menambah saiz tanahnya sebanyak 11 peratus melalui penambakan laut sejak 40 tahun lepas daripada 582 km persegi kepada 647.km persegi pada masa ini.

Bagaimanapun kerja-kerja penambakan di Pulau Tekong, timur laut Singapura dan di Tuas, bahagian barat pulau itu, baru-baru ini telah menimbulkan kebimbangan pencinta alam sekitar mengenai kesan negatifnya serta kesannya terhadap laluan kapal ke pelabuhan di Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas.

Di samping itu, kerja-kerja penambakan itu juga dikatakan telah menyempitkan perairan sekitar pengkalan latihan Tentera Laut Diraja Malaysia di Tanjung Pengelih, Johor.

--BERNAMA

AZH ZS ZB